

22 SEP 1998

LEAD Mahathir-Anwar/I/Bergambar

ANWAR DITAHAN DI BAWAH ISA KERANA MENCETUSKAN RUSUHAN

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata polis pada mulanya bercadang untuk menangkap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mendakwanya di mahkamah tetapi terpaksa menahannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) apabila beliau mencetuskan rusuhan.

"Hakikatnya ialah, dia (Anwar) telah dibiarkan melanggar undang-undang banyak kali. Kemuncaknya ialah pada hari Ahad apabila dia menghasut para pengikutnya untuk merusuh," kata Dr Mahathir pada sidang berita yang dipenuhi wartawan di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Perdana Menteri memulakan sidang berita itu dengan menerangkan selama kira-kira 20 minit mengenai penangkapan Anwar dan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam sebelum membenarkan wartawan tempatan dan asing mengemukakan soalan.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri dan Presiden Umno, berkata beliau telah menerangkan kepada MT Umno mengenai alasan penangkapan Anwar.

Bagaimanapun, beliau berkata biar berapa banyakpun beliau menjelaskan mengenai penangkapan Anwar, pihak tertentu seperti media asing tidak akan mempercayai beliau.

Dr Mahathir berkata adalah jelas Anwar telah membakar semangat para pengikutnya untuk mencetuskan suasana yang serupa dengan yang berlaku di Indonesia yang menyebabkan Suharto meletakkan jawatan sebagai Presiden.

"Mereka berharap dengan cara itu mereka dapat menjatuhkan kerajaan, khususnya saya sendiri ... Dia menghasut mereka supaya membuat kerosakan kepada keamanan dan ketenteraman di bandar raya ini," katanya.

Anwar telah ditangkap di bawah Seksyen 73(1) (a) oleh polis di rumahnya pada Ahad malam selepas mengetuai perhimpunan dan perarakan haram yang kemudiannya mencetuskan rusuhan.

Anwar yang telah dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept telah dikaitkan dengan pelbagai salahlaku seksual.

Dr Mahathir berkata walaupun ditahan di bawah ISA, Anwar akan tetap didakwa di mahkamah apabila polis mempunyai cukup bukti.

Perdana Menteri berkata bukan menjadi niat polis untuk menangkap Anwar di bawah ISA.

"Tetapi kerana kelakuannya yang ganas, mereka menangkapnya di bawah ISA ... tetapi saya percaya niat mereka ialah untuk mendakwa Anwar mengikut cara biasa," katanya.

Dr Mahathir berkata Anwar telah menyampaikan ucapan yang membakar semangat pada perhimpunan haram di Masjid Negara dengan menghasut para penyokongnya untuk merusuh.

"Polis terpaksa bertindak," kata Perdana Menteri, sambil menambah beliau tidak menjangka perbuatan Anwar boleh sampai ke peringkat itu.

Malahan polis, katanya, tidak percaya akan terjadi rusuhan dan telah bersedia untuk menangkapnya mengikut cara biasa dengan tuduhan-tuduhan yang sepatutnya.

Dr Mahathir berkata terdapat juga bukti Anwar cuba mencetuskan rusuhan di beberapa tempat lain di negara ini.

Beliau berkata, hakikatnya ialah, apabila para penyokong Anwar pergi ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Ahad lepas untuk menimbulkan masalah dan merosakkan satu pameran Umno, ia membuktikan bahawa mereka bukannya anggota Umno.

"Ia adalah satu perkara yang tidak akan dilakukan oleh anggota-anggota

Umno," katanya.

Perdana Menteri berkata para pengikut Anwar juga telah berarak menuju kediamannya di Sri Perdana lewat malam itu (hari Ahad), jelas dengan niat hendak menimbulkan lebih banyak masalah termasuk membakar rumahnya.

Dr Mahathir berkata Anwar menyertai rusuhan Ahad lepas bagi mengalihkan perhatian masyarakat daripada isu sebenar yang dihadapinya berikutan pengakuan adik angkat Anwar, Sukma Darmawan dan sahabatnya, Dr Munawar Anees yang telah membenarkan Anwar meliwat mereka.

Anwar juga tahu polis sibuk pada hari berkenaan disebabkan Sukan Komanwel (Sukom) ke-16 yang baru sahaja selesai, katanya.

"Juga kerana beliau merasakan kehadiran wartawan asing dalam jumlah yang besar (untuk Sukom) akan menguntungkannya. Dan ini telah membantunya," kata Dr Mahathir.

"Tujuannya (Anwar) ialah untuk merosakkan imej negara, menghilangkan keyakinan orang ramai dan menggambarkan Malaysia sebagai tidak stabil," katanya.

Dr Mahathir berkata tujuan Anwar ialah supaya polis menangkapnya di bawah ISA supaya beliau boleh menuduh kerajaan dan Perdana Menteri sebagai mengamalkan pemerintahan diktator.

"Yang paling ditakuti Anwar ialah didakwa di mahkamah kerana semua yang telah dilakukannya akan didedahkan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Anwar belum bersumpah dalam masjid bagi menafikan semua dakwaan ke atasnya, "walaupun saya tidak lihat pentingnya Anwar bersumpah dalam masjid."

"Orang ini tidak boleh dibiarkan menjadi pemimpin negara ini. Itu yang saya katakan kepada anggota-anggota MT Umno semalam," katanya.

Dr Mahathir juga berkata orang ramai yang dilihat menyertai perhimpunan-perhimpunan Anwar tidak semuanya mempercayai Anwar sepenuhnya.

Dr Mahathir juga mempertahankan polis dengan mengatakan mereka telah mengambil tindakan yang wajar walaupun terdapat beberapa orang yang cedera.

Mengenai penahanan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi, juga di bawah ISA, beliau berkata beliau kurang pasti sama ada tuduhan akan difailkan.

"Terpulanglah kepada polis," katanya.

Mengenai kedudukan Zahid dalam Umno, beliau berkata terserahlah kepada parti untuk membuat keputusan.

Perdana Menteri berkata keadaan dalam negara "adalah sangat stabil dan tiada sesiapa yang perlu bimbang."

Beliau menafikan khabar-khabar angin kononnya kerajaan bercadang untuk mengisytiharkan negara dalam keadaan darurat.

-- BERNAMA

ES khy